

TABUNG HAJI
جى عل النحاج

KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
1 Mei 2025**

Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan ("GLIC") Melaksanakan Gaji Kehidupan Wajar

*Selaras dengan Rangka Kerja Ekonomi MADANI untuk Menaikkan Siling dan
Menaikkan Lantai bagi Meningkatkan Taraf Hidup, Kesejahteraan dan
Produktiviti Pekerja*

PUTRAJAYA, 1 Mei 2025 – Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan ("GLIC") secara kolektif telah melaksanakan dasar gaji kehidupan wajar untuk semua pekerja tetap di Malaysia. GLIC yang telah memenuhi komitmen kepada dasar gaji kehidupan wajar di mana semua pekerja tetap warga Malaysia kini memperoleh lebih daripada gaji kehidupan wajar bulanan, termasuk, Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah"), Permodalan Nasional Berhad ("PNB"), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) ("KWAP"), Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") dan Lembaga Tabung Haji ("TH").

"Melaksanakan visi Ekonomi MADANI memerlukan pendekatan seluruh negara, dengan sektor korporat memainkan peranan utama. Langkah kolektif GLIC untuk melaksanakan gaji kehidupan wajar adalah langkah penting untuk 'menaikkan lantai', bagi memastikan pertumbuhan yang inklusif dan berakar umbi dalam kesejahteraan rakyat Malaysia," kata YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II.

Pelaksanaan komitmen gaji kehidupan wajar adalah sebahagian daripada inisiatif GEAR-uP yang diterajui oleh Kementerian Kewangan ("MOF") di bawah rangka kerja Ekonomi MADANI yang memerlukan usaha bersinergi daripada GLIC sebagai pemangkin pertumbuhan dalam sektor ekonomi utama di Malaysia, dengan dua objektif "menaikkan siling" dan "menaikkan lantai". Berdasarkan analisis perbandingan penggajian industri dan piawaian kos sara hidup yang digariskan dalam *Panduan Belanjawanku 2024/2025*, penanda aras gaji kehidupan wajar telah ditetapkan pada kira-kira RM3,100 sebulan, iaitu lebih tinggi daripada gaji minimum RM1,700 yang diumumkan pada Belanjawan 2025 dan dilaksanakan pada 1 Februari 2025.

Panduan Belanjawanku, yang dibangunkan bersama oleh KWSP dan Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial, Universiti Malaya, menyediakan anggaran perbelanjaan bulanan minimum yang diperlukan untuk taraf hidup yang baik.

Pendekatan gaji kehidupan wajar memperkasa majikan untuk menawarkan jumlah pampasan yang melebihi gaji asas, merangkumi pelbagai manfaat yang meningkatkan kualiti hidup individu, termasuk penjagaan kesihatan, pelan persaraan, dan mekanisme simpanan.

Permodalan Nasional Berhad ("PNB")

Susulan komitmen terdahulu yang diberikan kepada inisiatif ini, PNB telah menyesuaikan penggajian semua tenaga kerjanya bagi memastikan semua pekerja kini memperoleh lebih daripada gaji kehidupan wajar.

"Kami berbesar hati kerana dapat memenuhi komitmen kami terhadap inisiatif gaji kehidupan wajar. Fokus kami kini adalah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) strategik utama kami. Pertamanya untuk mereka menerima dasar gaji kehidupan wajar, seterusnya melaksanakan dasar tersebut mengikut garis masa yang dipersetujui."

"Sejak 2023, kami sentiasa terlibat bersama GLC kami dalam hal mengenai rangka kerja gaji kehidupan wajar ini, menggesa mereka secara proaktif agar komited kepada Dasar Gaji Kehidupan Wajar dan mempercepatkan pelaksanaannya. Sehingga kini, tiga daripada syarikat strategik kami telah mengeluarkan Dasar Gaji Kehidupan Wajar, dan kami menyasarkan agar semua syarikat strategik kami untuk menerima dan menyatakan komitmen kepada Dasar Gaji Kehidupan Wajar menjelang 2026," kata Dato' Abdul Rahman Ahmad, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB.

PNB memperkenalkan Rangka Kerja Gaji Kehidupan Wajar dalam organisasi pada 2023 komitmen terhadap tanggungjawab sosial dan kesejahteraan pekerja. Pada Januari 2025, PNB telah memperhalusi garis panduan pengundiannya, menggalakkan syarikat pelaburannya untuk meneroka dan menerima rangka kerja tersebut. PNB mengiktiraf bahawa industri yang pelbagai dan kompleks di mana GLC dan Korporat Malaysia terlibat memerlukan masa yang berbeza untuk pelaksanaan, namun ia percaya semua syarikat harus komited dan mempunyai perancangan yang jelas dalam memastikan para pekerja memperoleh penggajian yang adil untuk menikmati taraf hidup yang boleh diterima.

Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah")

Selaras dengan strategi Malaysia yang berlandaskan rangka kerja "*A Nation That Creates*" dengan tujuan untuk memacu fasa seterusnya transformasi ekonomi Malaysia, Khazanah komited untuk menyokong aspirasi Ekonomi MADANI, terutamanya dalam menaikkan kedua-dua lantai dan siling untuk rakyat Malaysia.

Khazanah telah memenuhi komitmennya untuk menyediakan gaji kehidupan wajar kepada pekerjanya dan telah melibat secara aktif dengan syarikat-syarikat teras dalam pegangannya untuk melaksanakan amalan gaji kehidupan wajar dalam keseluruhan operasinya.

Khazanah percaya bahawa setiap individu harus mempunyai akses kepada pendapatan yang memastikan taraf hidup yang baik dan membolehkan penyertaan bermakna dalam masyarakat. Gaji kehidupan wajar bukan sahaja menyokong kesejahteraan individu dan ketahanan pada masa sukar tetapi turut mengukuhkan keupayaan untuk merancang masa depan, termasuk persaraan.

"Khazanah komited untuk memimpin melalui teladan dan telah melaksanakan gaji kehidupan wajar dalam operasi kami, sementara sepuluh (10) daripada syarikat pegangan teras kami telah komited untuk melaksanakan gaji kehidupan wajar. Kami akan terus mempromosikan kesedaran dan penerimaan yang lebih besar dengan syarikat-syarikat portfolio kami yang lain. Menyokong gaji kehidupan wajar adalah kunci dalam meningkatkan produktiviti, membina perniagaan yang lebih kukuh dan berdaya tahan yang menyumbang kepada laluan pembangunan yang stabil, saksama dan mampan untuk Malaysia," kata Dato' Amirul Feisal Wan Zahir, Pengarah Urusan Khazanah.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP")

KWSP komited terhadap pelaksanaan Rangka Kerja Gaji Kehidupan Wajar di seluruh organisasi, berpandukan kepada *Panduan Belanjawanku* sendiri, penanda aras negara yang diiktiraf bagi standard kehidupan yang wajar di Malaysia. Langkah ini sejajar dengan aspirasi Kerajaan di bawah rangka kerja Ekonomi MADANI untuk "Menaikkan Lantai" dengan menambah baik tahap gaji dan meningkatkan bahagian pendapatan buruh kepada 45%.

"Sebagai pengaga amanah simpanan persaraan untuk lebih daripada 16 juta rakyat Malaysia, kami percaya tanggungjawab untuk memacu kecukupan pendapatan bermula dengan kami. Dengan memastikan semua pekerja memperoleh gaji kehidupan wajar, kami sedang memperkuatkhan misi organisasi untuk membina ekosistem persaraan yang berdaya tahan dan inklusif, yang bermula dengan gaji yang adil hari ini bagi memastikan pendapatan yang mencukupi pada hari esok." Kata Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Ahmad Zulqarnain Onn.

"Komitmen ini mengiktiraf martabat kerja dan menetapkan standard yang bermakna untuk majikan di seluruh negara. Akhirnya, peningkatan gaji meningkatkan kualiti hidup dan menyumbang kepada simpanan persaraan yang lebih kukuh, memastikan keperluan masa depan dipenuhi dengan bermartabat."

Beliau menambah bahawa KWSP juga akan bekerjasama dengan syarikat-syarikat pelaburan dan rakan ekosistemnya untuk menggalakkan penerimaan rangka kerja yang serupa, menyokong masa depan ekonomi yang lebih inklusif dan saksama untuk semua rakyat Malaysia.

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) ("KWAP")

KWAP menegaskan komitmennya terhadap kemajuan ekonomi yang mampan dan inklusif, dan telah melaksanakan gaji kehidupan wajar di seluruh organisasi dan anak syarikatnya. KWAP melihat langkah ini sebagai penambahbaikan kebijakan pekerja dan sebagai langkah strategik yang selaras dengan matlamat nasional jangka panjang di bawah rangka kerja Ekonomi MADANI.

"Di KWAP, kami melihat ketahanan ekonomi berkait secara asas dengan kesejahteraan warga kerja kami. Pelaksanaan gaji kehidupan wajar adalah pernyataan yang jelas terhadap komitmen kami untuk meningkatkan taraf hidup pekerja kami, selaras dengan aspirasi nasional. Sebagai penjaga dana pencen sektor awam terbesar di Malaysia, tumpuan kami bukan sahaja untuk memberikan pulangan kewangan yang mampan, tetapi juga menyokong mereka yang membolehkan penciptaan nilai jangka panjang kami," kata Datuk Hajah Nik Amlizan Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif KWAP.

Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT")

Komitmen LTAT terhadap gaji kehidupan wajar sebanyak RM3,100 mencerminkan misi berterusan kami untuk melindungi dan meningkatkan mereka yang berkhidmat untuk negara—sama ada pasukan beruniform mahupun tenaga kerja awam. Ikrar ini bukan sekadar penanda aras kewangan; ia adalah penegasan terhadap kepercayaan kami bahawa mereka yang menyumbang kepada perkhidmatan negara, secara langsung atau tidak langsung, wajar mendapat kehidupan yang berkualiti dan bermaruah.

LTAT menangani isu ini menerusi semakan pada tahun 2025, yang melibatkan semakan struktur gaji merangkumi elemen bukan penggajian untuk menyokong kebijakan pekerja secara holistik. Penambahbaikan ini adalah sebahagian daripada strategi menyeluruh LTAT untuk mengukuhkan jaminan jangka panjang bagi setiap individu di bawah tanggungannya. Komitmen ini bukan sahaja kepada pekerja kami tetapi juga dipanjangkan kepada keluarga mereka bagi mengiktiraf bahawa kehidupan yang bermaruah mestilah merangkumi kesejahteraan isi rumah, dan bukan sekadar pendapatan individu.

"Bagi LTAT, pelaburannya adalah berteraskan agenda pembangunan negara, justeru komitmen ini adalah kewajipan moral dan keperluan strategik. Ia mengukuhkan ketahanan ekonomi dari bawah— bermula dengan individu yang menjadi tulang belakang kepada operasi kami. Sebagai GLIC, kami menyedari sepenuhnya peranan kami dalam membentuk masa depan yang lebih saksama, dan LTAT akan memastikan komitmen ini dilaksanakan di seluruh ekosistem kami dengan menggalakkan syarikat pelaburan dan rakan kongsi kami untuk mencontohi langkah ini," kata Mohammad Ashraf Md. Radzi, Ketua Eksekutif LTAT.

Lembaga Tabung Haji ("TH")

TH komited untuk memelihara kebajikan para pekerjanya dan menyokong inisiatif gaji kehidupan wajar.

TH telah melaksanakan inisiatif gaji kehidupan wajar dan akan berusaha untuk menambahbaiknya dari masa ke semasa. **TH** juga akan bekerjasama dengan Kumpulan Syarikatnya untuk memastikan impak yang lebih besar. Sebagai institusi kewangan Islam, melabur untuk para warganya adalah selaras dengan objektif Maqasid Shariah, yang menjadi asas kepada Rangka Kerja Pengurusan **TH**.

Langkah kolektif GLIC ini menandakan langkah penting ke arah memupuk Malaysia yang lebih saksama dan makmur, menekankan kepentingan kolaborasi dalam mencapai matlamat rangka kerja Ekonomi MADANI, membuka jalan untuk masa depan yang lebih cerah dan lebih baik untuk semua rakyat Malaysia.

-TAMAT-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan harta tanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Mengenai Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") ialah dana kekayaan berdaulat Malaysia yang diamanahkan untuk menyampaikan nilai mampan untuk rakyat Malaysia. Selaras dengan strategi jangka panjang Memajukan Malaysia, Khazanah menasarkan untuk mencapai tujuannya dengan melabur dalam sektor pemangkin, mencipta nilai melalui pengawasan aktif, meningkatkan kehadiran globalnya, serta membina kapasiti dan komuniti yang bertenaga untuk manfaat rakyat Malaysia. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, layari www.khazanah.com.my.

Mengenai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan dana simpanan persaraan utama Malaysia yang membantu ahlinya mencapai simpanan yang mencukupi untuk persaraan yang selesa. Ini selaras dengan matlamat KWSP untuk membina masa hadapan persaraan yang lebih baik untuk Malaysia, dan misinya untuk membantu ahli mencapai pendapatan persaraan yang selesa. KWSP telah beralih daripada berpaksikan transaksi kepada sebuah pengurusan dana professional berfokuskan terhadap keselamatan persaraan. KWSP dipacu oleh rangka kerja tadbir urus yang teguh dan profesional semasa membuat keputusan pelaburan. Ia terus

menjadi pemangkin dalam pertumbuhan ekonomi negara dan berusaha untuk memupuk budaya menabung dan pelaburan dalam kalangan ahlinya untuk meningkatkan tahap celik kewangan negara.

Mengenai Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP]

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] ditubuhkan pada 1 Mac 2007 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

KWAP menguruskan caruman daripada Kerajaan Persekutuan dan agensi berkaitan ke dalam Kumpulan Wang Persaraan (Dana) untuk mendapatkan pulangan optimum atas pelaburannya melalui pengurusan yang baik dan pelaburan Dana dalam pasaran ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan lain-lain bentuk pelaburan yang dibenarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662). Dana ini akan digunakan untuk membantu membiayai liabiliti pencen Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2015, KWAP secara rasminya dilantik sebagai ejen Kerajaan Persekutuan untuk tujuan pembayaran pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis daripada Kumpulan Wang Disatukan yang dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan dan KWAP.

Untuk makluman lanjut, sila layari www.kwap.gov.my.

Mengenai Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)

Ditubuhkan pada Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera (Akta 101), Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") adalah sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab menguruskan dana persaraan bagi pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia ("ATM") serta para veteran.

Pindaan terkini kepada Akta 101 ini telah berkuat kuasa pada 1 November 2022. Pada 31 Disember 2024, jumlah Aset Di Bawah Pengurusan ("AUM") LTAT adalah hampir RM13.60 bilion. LTAT telah mengisyiharkan dividen sebanyak 5.25% bagi tahun 2024, selepas membayar dividen sebanyak 5.0% pada tahun 2023 dan 2022, 4.1% pada 2021, 3.5% pada 2020, 2.5% pada 2019, dan 2.0% pada 2018. Untuk maklumat lanjut mengenai LTAT, layari www.ltat.gov.my.

Tentang Lembaga Tabung Haji (TH)

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). TH menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini merancang simpanan bagi menuaikan ibadat haji.

Pencapaian **TH** yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif dan mempunyai lebih sembilan juta pendeposit serta 107 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** turut mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan TH, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Pusat Panggilan TH (THCC) di talian +603-6207 1919.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

1. *Nimmi Kamal, Ketua Pegawai Hal Ehwal Koporat | nimmikamal@pnb.com.my | 012-393 9701*
2. *Emilia Azyyati Abdul Rahman, Ketua, Komunikasi | emilia.azyyati@pnb.com.my | 017-380 6937*